



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 21/2010 (23 hingga 29 Mei 2010)

Sejumlah 789 kes demam denggi dengan 1 kematian telah dilaporkan bagi tempoh 23 hingga 29 Mei 2010, penurunan sebanyak 45 kes (5%) berbanding 834 kes pada minggu sebelumnya. Enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Johor (29 kes), Pahang (20 kes), Kedah (14 kes), Kelantan (13 kes), WP Kuala Lumpur/Putrajaya (10 kes) dan Perak (1 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 19,604 kes berbanding 21,707 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009. Walaupun bilangan kes menurun sebanyak 10% pada tahun ini, namun bilangan kematian meningkat 15% dari 53 kematian tahun lepas kepada 61 kematian dalam tempoh yang sama tahun ini.

Satu (1) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah dari Melaka. Kes yang mempunyai sejarah penyakit jantung sejak dari lahir lagi telah meninggal disebabkan oleh *Dengue Haemorrhagic Fever with Underlying Complex Cyanotic Heart Disease*. Kawasan tempat tinggal pesakit merupakan kawasan wabak yang telah pun melaporkan 6 kejadian kes denggi sehingga 13 Mei 2010. Namun, persekitaran kawasan ini masih tidak bersih dan mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 24 kawasan *hot spots* yang masih aktif, berbanding 34 lokaliti *hot spots* pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, N.Sembilan dan Sabah (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 11 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi dan hanya 4 (17%) dari 24 lokaliti *hot spots* melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut (Lampiran D). Prestasi aktiviti gotong-royong ini masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana kurangnya penyertaan masyarakat dalam aktiviti tersebut. Ini menunjukkan sebilangan besar masyarakat masih lagi tidak prihatin tentang bahaya pembiakan *Aedes* di rumah dan sekitar kawasan kediaman mereka.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai agar mengutamakan kebersihan kawasan masing-masing khususnya di kawasan *hot spots*. Pada sepanjang minggu lepas, sebanyak 90% daripada bekas yang mempunyai pembiakan *Aedes* dijumpai diluar premis, yang terdiri daripada tong plastik, bekas plastik, besi buruk dan alas pasu bunga. Aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan perlu dijalankan oleh masyarakat setempat supaya risiko jangkitan demam denggi yang disebarkan oleh nyamuk *Aedes* dapat dikurangkan.

Kementerian Kesihatan terus berusaha dengan gigih dan proaktif dalam mendidik masyarakat dan sehingga 29 Mei 2010, sebanyak 726 aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan, 1,448 ceramah telah dijalankan dan sebanyak 1,808,269 risalah telah diedarkan diseluruh negara. Namun penglibatan masyarakat amat penting dalam aktiviti-aktiviti pencegahan demam denggi. Sempena cuti sekolah yang akan bermula pada minggu hadapan, orang ramai yang akan meninggalkan rumah

untuk pergi bercuti dinasihat supaya memastikan tiada bekas air yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes di rumah mereka.

Bagi orang ramai yang mengalami gejala demam denggi hendaklah segera pergi berjumpa dengan doktor di klinik atau di hospital berhampiran agar komplikasi dan kematian akibat demam denggi dapat dielakkan. Para pengamal perubatan diminta merujuk pesakit ke hospital dengan segera bagi kes demam denggi yang mempunyai tanda-tanda amaran awal seperti sakit perut, kerap muntah, pening atau gelisah, pucat, sesak nafas dan menunjukkan gejala pendarahan.

Bagi tempoh 23 hingga 29 Mei 2010, sejumlah 3 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, penurunan sebanyak 3 kes berbanding 6 kes pada minggu sebelumnya. Tiga (3) kes yang dilaporkan adalah 2 dari Sarawak dan 1 kes di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 558 kes berbanding 2,504 kes, penurunan sebanyak 1,946 kes (78%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

31 Mei 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2010  
(23 hingga 29 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2009
		Minggu 21 (23 – 29 Mei 2010)	Minggu 20 (16 – 22 Mei 2010)		
1	Perlis	3	6	61	109
2	Kedah	33	19	308 (2)	444
3	P. Pinang	21	27	465 (2)	1,328
4	Perak	38	37	730 (2)	1,788 (1)
5	Selangor	287	370	9,064 (29)	11,339 (38)
6	WPKL & Putrajaya	81	71	2,231 (4)	1,926 (6)
7	N. Sembilan	40	56 (1)	917 (4)	427 (4)
8	Melaka	17 (1)	18	233 (4)	299
9	Johor	90	61 (1)	1,295 (4)	1,265 (2)
10	Pahang	34	14	500 (1)	413 (1)
11	Terengganu	15	22	395	528
12	Kelantan	45	32	540 (2)	611
13	Sarawak	46	48	2,037 (6)	763
14	Sabah	39	53	820 (1)	448 (1)
15	WP Labuan	0	0	8	19
	<b>Jumlah</b>	<b>789 (1)</b>	<b>834 (2)</b>	<b>19,604 (61)</b>	<b>21,707 (53)</b>

Nota: ( ) Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2010  
(23 hingga 29 Mei 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-21 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 21 Tahun 2009
		Minggu 21 ( 23 – 29 Mei 2010)	Minggu 20 ( 16 – 22 Mei 2010)		
1	Perlis	0	0	0	24
2	Kedah	0	0	0	689
3	P. Pinang	0	0	3	122
4	Perak	0	0	3	307
5	Selangor	0	3	22	366
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	83
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	129
10	Pahang	0	0	1	65
11	Terengganu	0	0	1	46
12	Kelantan	0	0	2	343
13	Sarawak	2	3	507	295
14	Sabah	1	0	10	4
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>558</b>	<b>2,504</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI LOKALITI “HOT SPOTS” SEHINGGA 29 Mei 2010 (Mg 21)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	70	104
2	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	28	83
3	SELANGOR	MBPJ	Apartment Impian PJU 10	8	54
4	SELANGOR	MPKJ	Taman Koperasi LLN	9	51
5	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	16	51
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	13	48
7	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	18	48
8	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Delima Kajang (2)	7	48
9	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Kolej Politek Mara Bangi	13	47
10	SELANGOR	MPKJ	Taman Putra	12	39
11	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	14	39
12	SELANGOR	MPAJ	Taman. Permata (Zon c)	10	36
13	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	18	33
14	SELANGOR	MPK	Kawasan Perindustrian Sg Rasa Jalan Bt 3 Lama	13	31
15	WPKL	CHERAS	Desa Tasik (Polis)	18	58
16	WPKL	CHERAS	Bandar Tun Razak (Apartment Lumayan)	9	33
17	WPKL	CHERAS	PPR Raya Permai	5	33
18	WPKL	SETAPAK	Taman Setapak (Jalan Bakubang, Tioman)	8	46
19	WPKL	KLANG LAMA	Vista Angkasa	26	100
20	WPKL	KEPONG	Quarters Kerajaan Jalan Duta	17	49
21	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	16	55
22	JOHOR	MBJB	Taman Gembira	7	34
23	N.SEMBILAN	Seremban	Flat Dahlia Seremban 2	16	49
24	SABAH	Sandakan	Taman Fajar	10	32

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOTS” YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-21**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPK	Kawasan Perindustrian Sg. Rasa Jalan Bt. 3 Lama	30.2	30
2	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	12.5	13
3	WP KL	Cheras	PPR Raya Permai	12.0	12
4	WP KL	Setapak	Taman Setapak (Jalan Bakubang, Tioman	10.0	10
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Delima Kajang (2)	9.3	9
6	WP KL	Kepong	Quarters Kerajaan Jalan Duta	9.0	9
7	JOHOR	MPPG	Taman Mawar, Pelentong	6.7	7
8	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	6.4	9
9	SELANGOR	MPAJ	AU5 Taman Keramat (Zon A)	5.0	10
10	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	4.0	4
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin (2)	3.1	3